



## Jangan marah

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه: Seorang lelaki berkata kepada Nabi ﷺ: "Berilah aku nasihat." Baginda bersabda: "Jangan marah" Lelaki itu mengulanginya beberapa kali, namun baginda tetap bersabda: "Jangan marah."

Salah seorang sahabat رضي الله عنهم meminta kepada Nabi ﷺ agar baginda menunjukkan kepadanya sesuatu yang bermanfaat. Lalu baginda memerintahkannya supaya jangan marah. Maksudnya ialah dia hendaklah menjauhi segala sebab yang boleh mendorongnya kepada kemarahan, serta mengawal dirinya apabila perasaan marah itu timbul, agar tidak berlarutan hingga membawa kepada perbuatan seperti membunuh, memukul, mencela dan seumpamanya. Lelaki itu mengulangi permintaannya agar diberikan nasihat beberapa kali, namun Nabi ﷺ tidak menambah wasiat baginda kepadanya selain daripada sabdanya: "Jangan marah."

<https://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/4709>